

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP**BIL. 5 TAHUN 2024****MEI 2024****PROGRAM BAKUL IHSAN AKRAB MAHKAMAH
NEGERI MELAKA 2024**

MELAKA, 18 APRIL 2024 & 7 MEI 2024 -
Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Mahkamah Negeri Melaka telah mengadakan Program Bakul Ihsan. Objektif program ini adalah untuk membantu meringankan beban kewangan Warga Mahkamah Melaka yang memerlukan dan tidak berkemampuan. Sumbangan ini telah diberikan kepada Puan Azlinda binti Azman, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) kerana telah dimasukkan ke Hospital Besar Melaka kerana mengalami alahan yang teruk semasa mengandung. Sumbangan kedua telah diberikan kepada Puan Saratha a/p Subramaniam Jurubahasa kerana telah menghidap *slip disc*. Sumbangan yang ketiga telah diberikan kepada Puan Affarina binti Azmi Aswad, Pembantu Tadbir Undang-Undang kerana di dapati terdapat cyst di dalam perut beliau.

Dengan adanya Program ini, sedikit sebanyak dapat mengurangkan bebanan yang mereka alami. Semoga sumbangan ini dapat memberi inspirasi pada semua kakitangan untuk sama-sama membantu dan melahirkan rasa empati di hati mereka.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BOOTH PSIKOLOGI PKPMP DI KOMPLEKS MAHKAMAH NEGERI MELAKA

PUTRAJAYA, 29 MEI 2024 - Cawangan Psikologi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) PKPMP telah membuka *booth* bertempat di Kompleks Mahkamah Negeri Melaka. Seramai 80 orang Warga Mahkamah Negeri Melaka telah hadir ke *booth* berkenaan. Pelbagai aktiviti *booth* Psikologi telah dijalankan seperti Ujian Personaliti Melalui Tarikh Lahir, Ujian Personaliti Melalui Warna, Ujian Stres, Ujian Minda Sihat (*DASS*), Ujian Tekanan Darah, Terapi Muzik, Terapi Melukis dan sebagainya. Selain itu, Cawangan Psikologi PKPMP turut menyediakan Permainan Uji Minda (*IQ TEST*). Program ini telah berjaya dilaksanakan dan ia telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada warga Mahkamah Negeri Melaka yang hadir pada hari itu.

